

Edisi Pembaikan

سِيَرَةُ كَرَمِ مُحَمَّدٍ سَيِّدِنَا أَلَمِ حَرَمَيْنِ دِينِكَا

ايدى في مباحث

# SEJARAH GERAKAN MAHASISWA DALAM CERMINAN DEKAD

9595  
RID

RIDUAN MOHAMAD NOR

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# Sejarah

dalam cerminan dekad



Jundi Resources / 2012  
PUSTAKA PERDANA



1009619



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



ISBN 978 967 5968-22 8  
Cetakan pertama April 2012

Hak cipta terpelihara. Mana mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang cara sama ada elektronik, sawatan, salinan foto mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapatkan izin bertulis daripada penerbit.

Editor Hasmariza Md Hashim

Layout: Anuls Graphics

Kaver Mohad Hafiz Abdul Shuko

Diterbitkan oleh.

JUNDI Resources (1706325 w

No. 6, lot 2576, Lorong Padang  
Balang 8

Padang Balang,

51100 Kuala Lumpur

Tel. 019 372 8844, 017 205 518

emel. akhi karim@yahoo.com

Dicetak oleh.

Vinlin Press Sdn. Bhd.

No. 2, Jalan Meranti Permai

Meranti Permai Industrial Park

Batu 15 Jalan Puchong,

47100 Puchong, Selangor

emel. ctp vinlin@gmail.com

# Senarai Kandungan

Aluan Penerbit

Memeluk Mimpi Semalam yang Hilang

1. Suara Kampus Meledakkan Perubahan 1
2. Aktivisme Mahasiswa Malaysia  
Dekad 60-an 14
3. Kegemilangan Dekad 70-an 57
4. Tokoh-tokoh Mahasiswa 1970-an 84
5. Dekad 80-an: Dikotomi Hitam-Putih 107
6. Dekad 80-an:  
Mahasiswa dan Pemugaran Isu 141
7. Dekad 1990-an: Merakyatkan Perjuangan 161



8. Reformasi 1998 yang Menggugah Sejarah	183
9. Alaf Baru yang Suram	198
10. Penutup	
11. Senarai Rujukan	230
12. Biodata Penulis	235



# Aluan Penerbit

**A**lhamdulillah, kita panjatkan rasa syukur yang berpanjangan terhadap Tuhan Rabbul Jalil yang telah memberikan kita nikmat iman dan nikmat Islam. Selawat dan salam buat Rasul junjungan yang telah mengerah kudrat dan keringat demi memperjuangkan Islam ini sehingga kita dilimpahi kurnia paling tuntas berharga. Untaian rasa kesyukuran dalam diri kerana diberikan oleh Allah SWT dengan kekuatan untuk menyatakan kebenaran dalam lingkungan masyarakat yang semakin berpaling daripada petunjuk.

Buku ini disodorkan kepada warga pembaca budiman dengan beberapa kilas niat, yang pertama ialah untuk mendokumentasikan sejarah gerakan mahasiswa di negara ini dalam tempoh empat dekad sebagai tatapan kepada generasi muda dan mengilas kembali nostalgia silam bekas anak-anak kampus yang kini berada di



segenap lapisan masyarakat. Yang keduanya ialah untuk mengartikulasikan titik kekuatan dan kelemahan setiap dekad gerakan mahasiswa kerana latar belakang politik, ekonomi dan sosial yang berbeza di setiap dekad.

Matlamat yang ketiga ialah untuk menimbulkan kesedaran kepada masyarakat kampus bahawa suara mereka adalah suara rakyat yang sangat bernilai serta mampumenciptasejarah,contohnya gerakannasionalisme bahasa anak-anak kampus pada penghujung dekad 1960-an telah memungkinkan tertubuhnya Universiti Kebangsaan Malaysia dan pemerksaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini. Tuntutan demi asakan suara kampus, di samping beberapa faktor yang lain telah menyebabkan Tunku berundur daripada kerusi panas Perdana Menteri pada tahun 1970.

Matlamat yang terakhir ialah untuk menyemarakkan dunia ilmu dan penerbitan di negara ini yang masih jauh ketinggalan berbanding negara-negara lain. Semoga ia mampu menyumbang sesuatu di tengah kesuraman intelektual di negara ini. Buku ini jauh daripada kesempurnaan namun ia mampu meruak sedikit sejarah gerakan mahasiswa di negara ini.

Penerbit merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada penulis buku ini yang telah bertungkus-lumus membuat kajian dan menulis bahan penting ini kepada dunia kemahasiswaan secara khususnya dan kepada masyarakat umumnya.

Selamat menyemak sejarah perjuangan anak-anak muda kampus yang sarat dengan idea ini, dunia 'the young angry man' yang sentiasa resah dan rusuh menggegari dunia ini.

---

Sekian terima kasih daripada kami, pihak penerbit yang sentiasa di relung hati anda..

Salam hormat.

*Jundi Resources*



# Memeluk Mimpi Semalam yang Hilang

**A**lhamdulillah, segala puji bagi Ilahi yang telah memberikan kita nikmat kehidupan yang terlalu beragam, selawat dan salam buat Rasul mulia yang telah menjadi rahmat kepada seluruh alam. Salam perjuangan kepada seluruh anak-anak muda yang berani berdada dengan kezaliman penguasa di seluruh belahan dunia. Catatan edisi pembaikan ini saya mulakan di tengah jantung kota Jakarta, di sebuah bilik kecil di Blok M yang mesra dengan deruman kenderaan bertali arus sepanjang masa. Tetap tidak mengubah naskhah asal, namun dengan tambahan-tambahan sisipan bagi melengkapkan apa yang saya rasakan kurang penjelasan.

Naskhah untuk anak kampus kail sejengkal ini saya tuangkan di atas lembaran kertas dengan beberapa matlamat tertentu, walaupun saya merasa sedikit kerdil untuk merakamkan sejarah besar gerakan mahasiswa